



Ruj. Kami : JAI.Sel.BKP/07/018/03Jld.3 (16)
Tarikh : 8 Januari 2021

KENYATAAN MEDIA

PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM MISI BANTUAN BANJIR KE NEGERI-NEGERI YANG TERLIBAT DENGAN MUSIBAH BANJIR

SHAH ALAM, 8 Januari 2021 – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) merakamkan simpati di atas musibah banjir yang melanda beberapa buah negeri di Malaysia seperti Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Perak. Banjir yang agak berbeza pada kali ini memberi kesan kerosakan kepada kediaman, kemudahan awam termasuk masjid dan surau serta sektor pertanian. Situasi pasca banjir memperlihatkan kesan kerosakan luar jangka yang tidak terduga.

Jabatan ini menyedari pelbagai usaha telah mula digerakkan oleh beberapa buah masjid, surau serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk menyampaikan misi bantuan kepada mangsa-mangsa banjir yang terlibat di beberapa daerah di negeri-negeri berkenaan. Semangat untuk membantu perlu juga diimbangkan dengan semangat mengawal penularan Covid-19 yang berada pada tahap sangat membimbangkan ketika ini. Sehubungan dengan itu, bagi membolehkan kedua-dua tujuan dapat dicapai, maka jabatan ini menyediakan panduan khas agar misi bantuan ini dapat diselaraskan pelaksanaannya serta mengambil kira usaha berterusan jabatan ini dalam membantu agensi pemantau dalam mengawal penularan Covid-19.

Antara panduan yang ditetapkan ialah ;-

- a. Misi bantuan oleh semua Masjid Pengurusan hendaklah dibuat dengan kerjasama atau pemakluman rasmi secara bertulis kepada Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS.
- b. Misi bantuan oleh Masjid Institusi, Masjid Kariah, Surau Kebenaran Jumaat dan Surau Kariah hendaklah dibuat dengan memohon kebenaran rasmi dari Pejabat Agama Islam Daerah masing-masing dengan mengemukakan butiran berikut:-
 - i. Lokasi atau tempat spesifik untuk penyaluran bantuan.
 - ii. Bentuk bantuan yang akan disalurkan.
 - iii. Tempoh berada dilokasi bantuan.

- iv. Jawatankuasa atau anggota yang terlibat.
- v. Pihak-pihak lain yang turut terlibat.
- vi. Mendapatkan kebenaran dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) jika peraturan semasa menetapkan syarat sedemikian.
- vii. Pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

Pihak JAIS telah menyediakan mekanisme kutipan untuk misi bantuan mangsa-mangsa banjir tersebut termasuk bantuan untuk institusi masjid dan surau yang terjejas melalui **Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI), Akaun Maybank 562106-718620.**

Jabatan ini akan mengaturkan proses penyerahan sumbangan pada kadar segera melalui agensi-agensi berautoriti yang telah dihubungi di negeri berkenaan sebagai perantara misi bantuan agar keperluan sebenar yang diperlukan dapat diberi dan dalam masa yang sama dapat mengekang pihak tertentu dari mengambil kesempatan memanipulasi keadaan sukar ini untuk kepentingan yang lain.

Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor

8 Januari 2021



BANTUAN KHAS BANJIR

KHUSUS KEPADA MASJID & SURAU DI PAHANG

Dianggarkan lebih **50 buah masjid** yg terkesan teruk dengan musibah banjir ketika ini.

Untuk sebarang bentuk sumbangan dan kutipan tabung jumaat berkenaan, mohon tuan² salurkan ke akaun atas nama **Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI)**, akaun Maybank

562106-718620

Segala bentuk sumbangan, perhatian dan kerjasama tuan² didahului dengan ucapan ribuan terima kasih



TIJARI

ANJURAN : JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR